

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan format baru yang mula diperkenalkan pada tahun ini, mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab dalam masa dua jam tiga puluh minit.

Bahagian A: Mengandungi empat soalan struktur iaitu dua soalan daripada Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan dua soalan daripada Sukatan Pelajaran Tingkatan Lima. Calon dikehendaki menjawab semua soalan di bahagian A

Bahagian B: Mengandungi lima soalan esei iaitu dua soalan daripada Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat dan tiga soalan daripada Sukatan Pelajaran Tingkatan Lima. Calon dikehendaki memilih tiga soalan sahaja di bahagian B .

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya, prestasi calon SPM dalam mata pelajaran Sejarah 1249/2 adalah sederhana. Calon berkebolehan tinggi berjaya memperoleh markah maksima dengan memberikan fakta secara tersusun dan kemas. Hal ini bermaksud isi jawapan diberikan memenuhi tugas soalan dan mengikut urutan. Ini menunjukkan calon memahami kehendak setiap soalan yang dijawab. Contohnya seperti soalan 1 (a), dapat memberikan aspek kemajuan tamadun itu dalam bidang politik, ekonomi dan sosial beserta dengan huraian yang jelas.

Sementara calon berkebolehan sederhana pula, menunjukkan bahawa mereka masih memahami kehendak soalan tetapi tidak dapat memberikan isi yang mantap dan mencukupi. Contohnya seperti soalan 1 (a), calon dalam kumpulan ini hanya mampu menyenaraikan dua daripada tiga aspek yang diperlukan. Manakala bagi calon-calon berkebolehan rendah pula, calon-calon kekurangan isi dan menjawab tidak mengikut kehendak peraturan pemarkahan. Contohnya seperti soalan 1 (a), calon hanya dapat menyenaraikan banyak isi mengenai satu aspek sahaja. Terdapat juga calon-calon daripada kumpulan ini yang menjawab soalan bahagian B secara ringkas tanpa huraian.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Mutu jawapan calon sangat baik dan memenuhi tugas soalan. Jawapan calon sangat tepat mengikut peraturan pemarkahan serta dapat menghuraikan setiap tema dengan baik sekali. Contoh-contoh yang dikemukakan sesuai, tepat, dan huraian yang kemas. Sebagai contoh bagi soalan 6 (b), calon dalam kumpulan ini telah berjaya memberikan kesan-kesan perkembangan perusahaan getah ke atas ekonomi orang Melayu dengan tepat , sesuai mengikut urutan. Penjelasan dan huraian calon menepati kehendak peraturan pemarkahan. Calon-calon dapat menggunakan istilah dengan tepat seperti dwiekonomi, Akta Tanah Simpanan Melayu, Enakmen Tanah Padi 1917 dan Sekatan Stevenson 1922. Ramai calon mendapat markah maksimum dalam setiap cerai soalan kerana calon-calon dapat mengemukakan isi-isi dan fakta sejarah sepenuhnya melebihi peruntukan markah yang diperlukan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Mutu jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam kumpulan ini masih boleh dikatakan baik. Sebahagian daripada jawapan itu bersesuaian dengan kehendak peraturan pemarkahan. Namun begitu ada isi jawapan yang dikemukakan tidak memenuhi kehendak peraturan pemarkahan. Sebagai contoh, soalan mengenai penguasaan kuasa Barat ke atas negara-negara di Asia Tenggara, calon dalam kumpulan ini dapat menerangkan dengan baik mengenai faktor-faktor imperialisme Barat dengan baik tetapi gagal menjawab dengan baik mengenai ciri-ciri sistem birokrasi Barat dengan baik. Calon hanya mendapat markah yang tinggi untuk sebahagian daripada soalan sahaja. Manakala soalan-soalan lain tidak dapat dijawab dengan baik dan ada kalanya kurang tepat serta terdapat tema yang tidak disertakan dengan contoh-contoh. Terdapat kelemahan ketara dari segi pengolahan isi dan kesalahan dari segi contoh-contoh yang dikemukakan seperti dalam soalan 3 (c), calon menyebutkan isu tidak menghormati adat orang Burma. Padahal isu yang sebenarnya ialah memakai kasut di kuil Buddha.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Mutu jawapan calon dalam kumpulan ini tidak memuaskan. Calon gagal memahami kehendak dan tugas soalan yang menyebabkan jawapan calon terpesong daripada peraturan pemarkahan. Jawapan calon adalah secara umum dan tidak mengandungi fakta yang dikehendaki. Terdapat calon yang tidak menjawab langsung tetapi sekadar menyalin soalan, menjawab apa yang diketahui dan bukannya perkara yang ditanya dalam soalan. Penguasaan bahasa dan gaya bahasa calon juga lemah.

PRESTASI TERPERINCI MENGIKUT SOALAN

Soalan 1

Prestasi calon secara keseluruhan adalah baik. Calon yang menjawab soalan ini dapat mengemukakan isi-isi utama aspek politik, ekonomi dan sosial.

Dari segi kekuatan calon, calon dapat menjawab dengan tepat dan teratur. Mereka dapat menyenaraikan ciri-ciri dan aspek yang diperlukan meliputi tema pemerintahan, pertanian dan perdagangan, kebudayaan dan kehidupan berorganisasi dengan lengkap.

Malahan, terdapat calon yang menjawab soalan dengan ayat yang lengkap. Ramai calon memberikan jawapan melebihi daripada yang diperlukan oleh peraturan pemarkahan.

Contoh 1:

T 1 / 2 3 (14) - 01

a)	Nyatakan tiga aspek kemajuan sesebuah tamadun awal manusia.	
(i) Sistem pemerintahan	
(ii) Organisasi sosial	
(iii) Sistem tulisan	3
iv)	Agama dan kepercayaan	
v)	Pengembangan kebudayaan	
		[3 markah]

Kelemahan calon yang ketara dapat dilihat dalam soalan 1 (a). Calon hanya menyenaraikan ciri-ciri Tamadun Awal Manusia. Antara ciri yang disenaraikan ialah petempatan kekal, organisasi sosial, pengkhususan pekerjaan, agama dan kepercayaan. Calon yang menjawab soalan 1 (c) pula, gagal menyatakan sumbangan yang telah diberikan oleh Ptolemy dan Archimedes i dalam bidang ilmu pengetahuan.

Kesilapan yang dilakukan oleh calon dapat dilihat dalam soalan soalan 1 (d). Terdapat calon yang gagal menyenaraikan tujuan pembinaan Arcopolis dalam tamadun Yunani seperti kehendak soalan.

Contoh 2:

(d) Apakah tujuan pembinaan Acropolis di Yunani?

(i) ~~Untuk digunakan sebagai pusat pemerintahan~~

(ii) ~~Untuk digunakan sebagai pusat keagamaan.~~

- mengembangkan perdagangan
- menambahkan bilangan penduduk

6 [2 markah]

Soalan 2

Ada dalam kalangan calon-calon yang menjawab soalan ini dengan baik. Mereka dapat mengemukakan isi-isi jawapan lebih daripada yang diperlukan untuk mendapatkan markah maksimum.

Kekuatan calon dalam soalan ini ialah terdapat calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat mengenai isi kandungan Piagam Madinah beserta dengan huraian yang lengkap.

Contoh 3:

(ii) Apakah perkara asas yang terkandung dalam perlembagaan tersebut?

- Nabi Muhammad sebagai ketua Madinah
- Rakyat Madinah terdiri daripada satu ummah
- Undang-undang syariah digunakan dalam kekecemasan
- Bebas menganut agama lain
- Ribon diharamkan

[2 markah]

Kelemahan yang dilakukan oleh calon ialah mereka menyenaraikan isi Piagam Madinah secara umum dan hanya menggunakan logik akal seperti menyeru penduduk Madinah memeluk agama Islam.

Kesilapan calon ialah masih terdapat calon yang keliru dan mencampuradukkan isi jawapan dengan Perjanjian Hudaibiyah seperti gencatan senjata selama 10 tahun antara orang Islam Madinah dengan orang Quraisy Makkah.

Soalan 3

Secara umum prestasi calon yang menjawab soalan ini agak sederhana. Calon hanya mampu menjawab sebahagian ceraihan 3 (a) dan 3 (d) dengan baik. Sementara gagal menjawab dengan tepat soalan ceraihan 3 (b) dan 3 (c).

Dari segi kekuatan jawapan calon, calon dapat memberikan jawapan dengan tepat dan layak mendapat markah maksimum. Terdapat juga calon yang menghuraikan jawapan yang diberikan dengan baik.

Contoh 4:

Imperialis Barat	Negara Asia Tenggara
British	Tanah Melayu dan Burma
Perancis	Indo-China

3 Jadual di atas berkaitan dengan penguasaan kuasa Barat ke atas negara di Asia Tenggara.

(a) Terangkan dua faktor imperialisme Barat di Asia Tenggara.

(i) Pembukaan Terusan Suez, pangsuan kapal uap [4 markah]

(ii) Revolusi Perindustrian yang bermula di Barat, penciptaan telegraf memudahkan perhubungan [4 markah]

(b) Apakah slogan Perancis menjajah Indo-China? tugas menyebarkan tamadun [2 markah]

(c) Apakah isu yang digunakan untuk membangkitkan semangat nasionalisme rakyat Burma? Kawanan Isu kasut di mana orang Barat masuk ke kil memakai kasut Barat [2 markah]

(d) Berikan ciri-ciri Sistem Birokrasi Barat di Asia Tenggara yang menggantikan sistem pemerintahan tradisional semasa penjajahannya.

- kuasa tertinggi ialah Perundingan tinggi British
- penubuhan biro-biro seperti pendidikan
- Setiap biro diketuai oleh biro raitu pegawai Barat [2 markah]

Kelemahan jawapan calon pula dapat dilihat dalam soalan 3 (d). Calon memberikan jawapan secara umum hingga sukar untuk mengesan jawapan yang diberikan seperti mengaitkan pemerintahan tradisional Melayu dengan ciri-ciri sistem birokrasi Barat.